

Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Keadaan ekonomi yang tidak menentu serta peningkatan kos sara hidup yang mendadak dilihat terus mencengkam kehidupan rakyat kita terutama kumpulan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kumpulan ini yang sering dikenali sebagai miskin bandar kelihatan terpaksa meneruskan kehidupan harian umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Situasi ekonomi global pada ketika ini sememangnya kurang memberangsangkan. Pasang surut pertumbuhan ekonomi yang banyak dikaitkan dengan ketidakstabilan nilai ringgit serta harga minyak memberi kesan yang cukup mendalam kepada rakyat kita. Hal ini kerana nilai wang tunai di tangan semakin berkurangan, manakala harga barang dan perkhidmatan pula terus melambung. Walaupun pihak kerajaan tampil dengan pelbagai inisiatif baik berbentuk bantuan seperti subsidi dan bantuan tunai seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) mahupun tindakan penguasaan seperti pemantauan dan kawalan harga barang, namun hakikatnya pengguna tetap terus menerima kesan yang serius.

Dalam konteks ini penulis tertarik dengan beberapa data dan dapatkan hasil kajian yang menunjukkan rakyat kita lemah dalam aspek perancangan kewangan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dilaporkan berjaya menyelesaikan 11,672 kes melibatkan pengurusan kewangan setakat 31 Oktober lalu dengan jumlah keseluruhan bernilai RM476.6 juta. Dan sejak beroperasi mulai April 2006, seramai 492,793 pelanggan telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling dengan 164,272 daripada mereka mendapat bantuan menerusi Program Pengurusan Kredit. Daripada jumlah itu, 15 peratus berumur di bawah 30 tahun manakala 39 peratus di antara 31 hingga 40 tahun dan 46 peratus berumur 41

tahun ke atas. Berdasarkan kaji selidik AKPK, sebanyak 49.7 peratus mempunyai perancangan kewangan yang lemah.

Di samping itu, statistik kebankrapan Jabatan Insolvensi Malaysia pula menunjukkan 97,215 orang diisyiharkan bankrap sejak 2012 sehingga September 2016 dengan 25,581 terdiri daripada generasi Y berumur 25 hingga 34 tahun. Dan apa yang paling mengejutkan apabila statistik itu turut menunjukkan seramai 1,157 kes adalah di bawah umur 25 tahun. Mengikut statistik ini, sewa beli kenderaan punca utama kebankrapan apabila gagal melunaskan pinjaman iaitu sebanyak 26,801 kes diikuti pinjaman peribadi (22,153 kes) dan pinjaman perumahan (18,819 kes).

Menurut AKPK, mereka yang diisyiharkan muflis ini mengakui bahawa punca utama kegagalan mengawal kewangan disebabkan kurangnya pendidikan dan perancangan kewangan yang baik.


Data dan hasil kajian ini dengan jelas menunjukkan generasi muda negara ini masih gagal untuk merancang kewangan mereka sehingga mudah terjebak ke kancan kebankrapan. Perbelanjaan yang tidak terkawal dan terlalu mengikut nafsu menyebabkan mereka mudah leka dan lalai. Justeru elemen pendidikan dan perancangan kewangan wajar diberi perhatian yang serius dalam kalangan masyarakat kita. Oleh kerana majoriti yang terlibat dalam kes muflis ini membabitkan golongan belia kita berharap pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memandang serius perkara ini dan keperluan untuk

menerapkan pendidikan dan perancangan kewangan dalam silibus pengajian di IPT. Sehingga sekarang dimaklumkan sebanyak 18 Politeknik dan 12 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sudah menerapkan modul pendidikan AKPK sebagai sebahagian daripada subjek keusahawanan atau kurikulum dan diharap IPT lain dapat mencontohi mereka. Perkara ini penting kerana hanya melalui ilmu, pendidikan dan pengetahuan saja kita dapat mendidik masyarakat supaya lebih bijak mengurus kewangan masing-masing.

Apapun pada akhirnya semuanya terpulang kepada individu itu sendiri.



Perlu bijak menabung, urus kewangan



URUS kewangan dengan bijak agar tidak terjebak kebankrapan.

Ringkasnya perbelanjaan yang hendak dibuat perlulah seimbang dengan jumlah pendapatan dan gaya hidup masing-masing umpama biarlah ukur baju di badan sendiri kerana jika salah langkah kita yang akan merana kelak. Maka dalam

konteks ini masyarakat secara keseluruhan perlu bijak mengurus kewangan masing-masing. Betul pegangan nilai wang tunai makinerosot dan kos sara hidup semakin meningkat tetapi percayalah kalau kita bijak mengurus kewangan

dan perbelanjaan sekurang-kurangnya kita tidak perlulah berhutang sehingga jatuh muflis.

Secara prinsipnya kita perlu mendidik diri kita supaya lebih berdisiplin dan mampu kawal nafsu perbelanjaan sekali gus

menjadi pengguna yang bijak dan berpengetahuan. Pada hari ini kita mempunyai banyak pilihan, misalnya sebelum membeli sesuatu barang kita boleh menilai dan membandingkan harga di beberapa premis supaya kita dapat nilai untuk wang yang dibelanjakan (value for money). Hal ini cukup penting kerana kita dapat lihat betapa ada peniaga tamak yang suka ambil kesempatan dengan menaikkan harga sesuka hati, jadi kita sebagai pengguna perlu bijak menggunakan hak kita untuk mengajar mereka di samping memperoleh barang pada harga yang berpatutan.

Di samping itu, budaya menyimpan dan menabung juga perlu dititikberatkan berbanding budaya suka meminjam dan berhutang. Walaupun sedikit tetapi ia sangat perlu di mana penyimpanan ataupun tabungan walaupun dalam nilai yang kecil, tetapi jika dilakukan secara konsisten pasti akan membantu kita pada ketika sesak dan mengalami masalah